

Strategi Pengenalan Teks Ilmiah Berbahasa Melayu: Dimensi Nahuan

IDRIS AMAN & BENAZIR TANJUNG FATKUR RAHMAN

ABSTRAK

Tanggapan umum mengatakan wujud perbezaan wacana ilmiah antara bidang sains tulen dengan sains sosial-kemanusiaan. Tetapi aspek apa dan setakat mana perbezaannya kurang dihuraikan. Dari segi linguistik, perbezaan yang memang ketara dan disadari wujud ialah perbezaan laras bahasa, iaitu adanya variasi dalam penggunaan kosa kata dan istilah. Bagaimanapun, yang menjadikan sesuatu peristiwa bahasa itu sebuah wacana bukan sahaja aspek kosa kata, malah aspek-aspek lain turut memainkan peranan, seperti nahuan, kandungan, sifat kewacanaan, dan konteks penghasilannya. Penggembleran semua aspek ini dalam penghasilan teks dinamakan sebagai 'strategi wacana'. Makalah ini berhasrat mendapatkan sebahagian jawapan daripada tanggapan tersebut. Untuk itu, kajian ini menghuraikan dan menjelaskan empat strategi nahuan yang digembler oleh teks saintifik kedua-dua bidang tersebut di dalam bahasa Melayu, iaitu adverba awal ayat, jenis proses, jenis ayat, dan jenis tematik melalui pemanfaatannya oleh penulis berwibawa di dalam jurnal beriktiraf. Data dibataskan pada bahagian pendahuluan teks sahaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pola umum penggembleran keempat-empat aspek nahuan tersebut tidak memperlihatkan strategi wacana yang sangat berbeza. Kedua-dua bidang banyak menggembler adverba awal ayat jenis situasi melebihi jenis yang lain, ayat bertema luar biasa berbanding ayat bertema biasa, ayat sederhana berbanding ayat rencam, dan proses lakuan. Persamaan strategi wacana daripada empat aspek nahuan ini memperlihatkan bahawa dalam penghasilan wacana kedua-dua bidang ini, yang lebih dipentingkan ialah nilai dan tuntutan ilmiah, dan bukannya bidang.

Kata kunci: strategi wacana, teks ilmiah, nahuan, adverba awal ayat, proses, jenis tema

ABSTRACT

There is a general perception that pure sciences and social sciences and humanities academic discourse are distinct. Nevertheless, what is the distinction and to what extent the difference is less described. From linguistics point of view, the obvious and realized distinction between these two areas is what is called language register – where their lexical and terms varies. However what makes a language event a discourse is not only lexical, other aspects also comes into play for example grammatical, content, discursivity and context of productions. The utilization of these aspects in producing a text is named as 'discourse strategy'. This paper intends to gather some of the answers to the question. Therefore this study describes and explains four grammatical strategies used by the scientific texts in both area in written Malay language, namely initial adverbial phrase, process type, type of sentence and thematic types as employed by a credible writer in recognised journals. Data is confined to introduction section only. Findings show common pattern of usage for all grammatical aspects and does not show much difference. Both areas show lots of usage of situational initial adverbial phrase, marked theme sentences, simple compared to complex sentences, and action process. The similarities of these four grammatical aspects show that in the production of discourse in both areas, what are more important are values and academic requirement, and less on area.

Key words: discourse strategy, academic text, grammatical, initial adverbial phrase, process, theme type

PENGENALAN

Tanggapan umum mengatakan wujud perbezaan wacana antara bidang sains tulen dengan sains sosial-kemanusiaan. Tetapi aspek apa dan setakat mana perbezaannya kurang dihuraikan. Dari segi linguistik, perbezaan yang memang jelas wujud ialah perbezaan dalam penggunaan kosa kata, khususnya istilah, yang melahirkan kelainan laras bahasa (Holmes 2001; Spolsky 2001). Bagaimanapun, yang menjadikan

sesuatu peristiwa bahasa itu sebuah wacana atau teks bukan aspek kosa kata sahaja, malah aspek-aspek lain turut memainkan peranan, seperti nahuan, kandungan, sifat kewacanaan, dan konteks penghasilannya. Perkiraan semua aspek ini dalam penghasilan teks dinamakan sebagai 'strategi wacana'.

Strategi wacana bermaksud perancangan teliti yang disusun atur dalam menjayakan hasrat pewacana – penulis atau penutur. Misalnya, di dalam

berwacana, pemanfaatan ayat, seperti *Tolong belikan saya surat khabar* mungkin merupakan sebagai suatu strategi mempengaruhi sasaran agar bertindak atau mungkin juga sebagai satu strategi kesantunan. Bagi Gumperz (1982), 'strategi wacana' lazimnya merujuk pada strategi verbal yang digunakan oleh manusia yang terlibat di dalam perbualan bagi membolehkan mereka saling faham di dalam konteks komunikasi tertentu. Bagaimanapun, di dalam makalah ini, kami ingin meluaskan pengertian strategi wacana kepada strategi penulisan juga, khususnya berkenaan cara komuniti akademik menyusun dan mereka bentuk wacananya, yang juga dinamakan makalah penyelidikan (*research article*) secara strategik berdasarkan matlamat akademiknya.

Wacana akademik atau ilmiah yang dimaksudkan di dalam penulisan ini adalah sama dengan **wacana saintifik**. Dalam hal ini, matlamat penulisan makalah ilmiah adalah kebolehsampaian dan kebolehfahaman mesej atau pengetahuan di kalangan sasaran, khususnya ahli kelompok. Menurut Hunston (1994), komponen penting makalah penyelidikan ilmiah ialah penilaian kerana makalah berkenaan lazimnya diperkiran sebagai bebas peribadi (*impersonal*) dan berasaskan fakta. Tujuannya hanya melaporkan dan menarik inferens daripada siri peristiwa. Matlamat utamanya adalah memujuk komuniti akademik agar menilai pengetahuan baharu yang dikemukakan dan menyesuaikan jaringan pengetahuan bersama bagi akomodasi dakwaan berkaitan. Bagi Bloor & Bloor (2007), dapatan kajian ilmiah lazimnya disampaikan sebagai 'dakwaan' dan bukan fakta kerana pengkaji sedar bahawa pengamatan atau eksperimen kajian mereka hanya sebahagian kecil usaha ke arah pemahaman lebih baik tentang dunia.

Soal penulisan ilmiah makalah penyelidikan, khususnya aspek struktur, binaan sosial dan evolusi sejarahnya telah diteliti melalui banyak kajian. Kajian-kajian berkenaan meneliti organisasi keseluruhan beberapa bahagian makalah penyelidikan akademik, seperti bahagian pengenalan, dapatan, perbincangan dan abstrak, masing-masing misalnya oleh Swales, Thompson, Hopkins & Dudley-Evans, dan Salager-Meyer (Habibi 2008). Ghadessy (1999) pula memfokuskan pada jenis tema yang terdapat di dalam wacana penulisan abstrak. Data kajiannya pula adalah terdiri daripada pelbagai disiplin. Seterusnya, Zhen-Ye (2008) memfokuskan pada struktur pembinaan abstrak dan penggunaan ganti nama diri yang terdapat dalam wacana penulisan abstrak. Chan Swee Heng & Ebrahimi (2012) pula

memberi tumpuan kepada penggunaan Tema bertanda yang terdapat dalam wacana penulisan abstrak.

Berkaitan bahasa Melayu, kini telah terdapat beberapa literatur tentang wacana saintifik dalam bahasa Melayu, misalnya oleh Asmah (2006), Ismail (1996), Nathesan (1995) dan Idris et al. (2013). Asmah (2006) menerangkan tentang sifat wacana saintifik, seperti konsep bahasa saintifik, proses penulisan akademik, laras bahasa akademik, teori wacana akademik, organisasi teks, dan prinsip penghasilannya. Ismail (1996) menerangkan soal penulisan saintifik dari segi peranan ahli sains sebagai penulis, proses penulisan, soal tatabahasa, kata dan ayat, organisasi tulisan, ciri-ciri penulisan yang baik, pendekatan penulisan, dan ragam pembentangan idea. Manakala Nathesan (1995) menerangkan tentang laras bahasa ilmiah. Bagaimanapun, huraian Asmah (2006) dan Ismail (1996) adalah dalam bentuk buku teks. Sebagai buku teks, maka huraianya lebih bersifat deskriptif dan ekspositori, tetapi kurang elemen eksploratori dan eksplanatori. Manakala Nathesan (1995) walaupun merupakan sebuah kajian dan agak eksploratori tetapi perbincangannya terbatas kepada aspek laras bahasa atau *register*, iaitu menjurus kepada leksikal dan tatabahasa sahaja. Idris et al. (2013) juga merupakan sebuah analisis eksploratori tetapi data mereka terbatas pada teks sains tulen sahaja.

Di dalam makalah ini kami ingin meneroka wacana ilmiah yang dihasilkan dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia dalam dua bidang utama ilmu, iaitu sains tulen (ST) dan sains sosial-kemanusiaan (SKK). Objektifnya ialah mengenal pasti dan mempolakan ciri-ciri nahuan yang menonjol serta membina dan menjelaskan strategi nahuan teks akademik. Pengenalpastian, pembinaan dan pemahaman strategi wacana akademik dalam bahasa Melayu secara saintifik, empirikal, dan eksploratori dalam dua bidang utama tersebut merupakan usaha wajar dan munasabah. Pemerian strategi penulisan ilmu dalam bahasa Melayu yang berasaskan analisis sedemikian berupaya memberi panduan lebih sahih kepada ahli akademik untuk mempertingkatkan penulisan dalam bahasa Melayu. Ini adalah kerana sungguhpun bahasa Melayu dikatakan telah berupaya berfungsi sebagai bahasa ilmu sejak 1590 lagi apabila teks berbahasa Melayu tertua berjudul 'Aqid al-Nasafi dihasilkan (Asmah 2006) tetapi kita sering mendengar gesaan daripada masyarakat, khususnya pemimpin supaya bahasa Melayu dijadikan wadah penyampaian ilmu tinggi (Mohamed Khaled 2012).

Gesaan sedemikian seolah-olah menunjukkan bahasa Melayu belum cukup berdaya menjadi bahasa ilmu.

Untuk itu, kajian ini meneliti dan menghuraikan strategi wacana akademik daripada dua bidang utama ilmu tersebut dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh ahli bidang berkaitan sebagaimana yang diterbitkan di dalam jurnal beriktiraf. Sebagai langkah permulaan, kajian dibataskan kepada unit pengenalan wacana sahaja. Unit pengenalan penulisan merupakan bahagian yang amat penting. Di bahagian pengenalanlah penulis meletakkan landasan dan hala tuju penulisannya. Bahagian pengenalan makalah penyelidikan sebagai salah satu bahagian yang paling banyak diteliti mula mendapat perhatian sarjana sejak usaha oleh Swales (1981, 1990) meneliti struktur gerakan pengenalan makalah penyelidikan yang turut mencadangkan model CARS (*create a research space*). Selepas itu banyak kajian lain yang menerapkan model tersebut, seperti soal sifat putaran pengenalan, penggunaan rujukan, penelitian teks bertulis dalam bahasa dan budaya berbeza, praktis petikan (citation) dalam teks akademik, dan perbandingan bahagian pengenalan daripada dua disiplin (Habibi 2008).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah usaha eksploratori, berkerangka analisis wacana dan memanfaatkan paradigma nahu fungsional, Bagi mencapai tujuan dan sebagai langkah awal, kajian ini menganalisis wacana akademik daripada dimensi tekstual sahaja (lihat Fairclough 1992, 1995) dengan memfokus empat aspek nahuan (*grammatical*) (lihat Idris 2006, 2012; Idris et al. 2013). Aspek nahuan berkenaan ialah adverba awal ayat, jenis Tema ayat, jenis ayat, dan jenis proses klausa.

Adverba awal ayat adalah unsur ayat yang berada di awal ayat yang merupakan penerang terhadap makna klausa yang mengikutinya atau memberitahu pembaca/pendengar sesuatu tentang ayat. Idris (2007) mendapati adverba awal ayat berperanan sebagai pengkhusus maklumat ayat. Adverba awal ayat dizahirkan oleh kata atau kelompok kata (frasa adverba atau frasa preposisi atau klausa adverba). Halliday (1994) mengenal pasti sembilan jenis penerang ayat, iaitu *extent, location, manner, cause, contingency, accompaniment, role, matter, dan angle*. Tetapi di dalam kajian ini, konsep adverba awal ayat dikategorikan kepada empat parameter sahaja, iaitu penerang situasi, sudut pandangan, masa, dan tempat. Penggemblengan adverba awal ayat

bermakna penulis ingin mengkhususkan maklumat yang ingin disampaikan, sama ada secara situasi, sudut pandangan, masa, atau tempat.

Dari perspektif teori nahu fungsional, ayat mempunyai bahagian **Tema** (*Theme*) dan **Rema** (*Rheme*). Tema merujuk pada bahagian ayat yang sudah diketahui atau dinamakan maklumat lama, manakala Rema ialah bahagian ayat yang membawa maklumat baru. Tema merupakan titik tolak (*point of departure*) kepada maklumat baru (Rema) ayat (Halliday 1994). Di dalam teks, Tema boleh hadir dalam bentuk Tema biasa dan Tema luar biasa/bertanda. Ayat bertema biasa berstruktur Subjek + Proses + Objek. Ayat tema luar biasa adalah yang berstruktur lain daripada itu, seperti mendepankan proses (penyongsangan), objek (pemasifan), dan memanfaatkan penerang awal ayat sebagai tandanya. Oleh itu, penggemblengan jenis Tema tertentu bermakna penulis ingin menentukan titik tolak maklumat barunya, sama ada secara biasa atau secara luar biasa.

Jenis ayat dalam konteks kajian ini merujuk sama ada ayat sederhana atau rencam yang dimanfaatkan oleh penulis teks. Ayat sederhana adalah ayat yang dihasilkan melalui pemanfaatan satu unsur proses sahaja. Ayat rencam pula adalah ayat yang dihasilkan dengan pemanfaatan dua atau lebih unsur proses (Idris 2012).

Proses pula adalah unsur yang menjadi teras ayat atau klausa yang membolehkan penutur mempersembahkan pengalaman dunianya atau bertindak terhadap dunia (Halliday 1994). Penggemblengan jenis proses yang berbeza menghasilkan persembahan pengalaman dunia dan tindakan terhadap dunia yang berbeza juga, sama ada akan bersifat lakuan, keadaan, minda, kewujudan, perihalan atau pertalian (Idris 2012).

Teks kajian ini ialah 7 teks ST dan 7 teks SSK yang ditulis dalam bahasa Melayu (lihat Lampiran 1). Teks ST diperoleh daripada *Jurnal Sains Malaysiana*, manakala teks SSK diperoleh daripada jurnal *GEMA Online: Journal of Language Studies, Jurnal Pengurusan dan Akademika*. Teks-teks tersebut adalah teks teruji kerana diterbitkan oleh jurnal berwibawa. *Sains Malaysiana* adalah jurnal impak tinggi dengan *Impact Factor - JCR/SE 2011* ialah 0.268, Q3. *GEMA Online: Journal of Language Studies* dan *Jurnal Pengurusan* adalah jurnal yang terindeks di dalam Scopus. Jurnal *Akademika* pula walaupun belum terindeks di dalam Scopus tetapi telah diterbitkan sejak 1972 yang merupakan jurnal berwasit yang mempunyai kualiti akademik yang mapan dan tinggi.

Teks dilabelkan dengan sistem nombor rujukan ST1-ST7 untuk teks ST dan SSK1-SSK7 untuk teks SKK. Analisis data dilakukan secara eksplorasi dan pengenalan sifat utama empat aspek nahuan yang dinyatakan di atas.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa pola umum penggemblengan keempat-empat aspek nahuan tersebut tidak memperlihatkan perbezaan yang sangat ketara. Kedua-dua bidang banyak menggembleng adverbs awal ayat jenis situasi melebihi jenis yang lain, ayat bertema luar biasa berbanding ayat bertema biasa, ayat sederhana, dan proses jenis lakuan. Ini menunjukkan bahawa dari segi penggemblengan aspek nahuan, strategi wacana pendahuluan teks ilmiah berbahasa Melayu bagi kedua-dua bidang ST dan SSK adalah hampir sama (Jadual 1).

Pertama, daripada analisis aspek adverbs awal ayat, dikenal pasti bahawa kedua-dua disiplin ilmu memanfaatkan adverbs awal ayat secara agak ketara. Teks ST memanfaatkan adverbs awal ayat sebanyak 45.7% (48 kali) dan teks SKK sebanyak 45.8% (33 kali). Pemanfaatan adverbs awal ayat melebihi 45% bagi kedua-dua jenis teks tersebut adalah strategi ahli akademik untuk mengkhusus maklumat bagi ayat yang dibina di bahagian pendahuluan teks.

Jadual 1. Analisis ciri nahuan teks ilmiah

Ciri Nahuan	Sains Sosial-Kemanusiaan (SSK)		Sains Tulen (ST)	
	Bil.	%	Bil.	%
Adverbs Awal Ayat	33	45.8	48	45.7
a. Situasi	19	57.5	22	45.8
b. Sudut Pandangan	5	15.2	17	35.4
c. Masa	3	9.1	3	6.3
d. Tempat	6	18.2	6	12.5
Tanpa Adverbs Awal Ayat	39	54.2	57	54.3
Jenis Tema Ayat				
a. Biasa	39	40.6	57	43.8
b. Luar Biasa	57	59.4	73	56.2
- Adverbs Awal	31	54.4	48	65.8
- Pemasifan	26	45.6	22	30.1
- Penyongsangan	0	0	3	4.1
Jenis Ayat				
a. Ayat Sederhana	80	86	112	86.2
b. Ayat Rencam	13	14	18	13.8
Jenis Proses				
a. Lakuan	59	50.9	75	50.6
b. Keadaan	27	23.3	39	26.4
c. Minda	6	5.2	1	0.7
d. Kewujudan	4	4.3	11	7.4
e. Perihal	20	17.2	22	14.9
f. Pertalian	0	0	0	0

Adverbs awal ayat yang menonjol digembleng secara strategik di dalam pengenalan teks ST dan SSK ialah jenis situasi. Pensituasian sebagai adverbs awal ayat mencatat skor tertinggi, iaitu sebanyak 45.8 % di dalam teks ST manakala sebanyak 57.7 % di dalam teks SSK. Ia dimanfaatkan oleh 5 teks ST, iaitu ST2, ST3, ST4, ST6 dan ST7 dan turut

dimanfaatkan di dalam 5 teks SSK iaitu SSK2, SSK3, SSK5, SSK6 dan SSK7. Contoh adverbs awal ayat situasi ialah *dari segi kemudahan asas misalnya*, (SSK2.1.6) *hal ini disebabkan* (SSK3.1.2) dan *untuk tujuan itu* (SSK5.1.7).

Adverbs awal ayat jenis sudut pandangan menduduki tempat kedua bagi teks ST dengan skor 35.4 % manakala sebanyak 15.2 % bagi teks SSK. Ia digunakan oleh 5 teks ST, iaitu ST1, ST3, ST4, ST6, dan ST7 namun hanya digunakan sebanyak 3 teks SSK, iaitu SSK1, SSK2 dan SSK4. Contohnya ialah *Dengan perkataan lain* (SSK1.2.5) dan *Menurut Firth* (SSK4.2.3). Adverbs awal ayat jenis tempat pula digunakan sebanyak 12.5% bagi teks SK dan 18.2 % bagi teks SSK, manakala jenis masa adalah yang paling kurang iaitu hanya sebanyak 6.3 % bagi teks ST dan 9.1 % bagi teks SSK.

Strategi mengutamakan situasi dan sudut pandangan serta kurangnya adverbs awal ayat jenis tempat dan masa pada unit pengenalan wacana ST dan SSK sebagai titik tolak ayat adalah sejajar dengan tabii unit pengenalan wacana akademik itu sendiri, iaitu sebagai penyata latar situasi dan pandangan. Dengan maksud lain, dalam membentuk titik tolak ayat di unit pengenalan wacana ST dan SSK, pensituasian dan sudut pandangan adalah strategi yang sesuai. Berikut adalah contoh penggunaan adverbs awal ayat (bergaris bawah) mengikut jenis (Lampiran 2).

1. Situasi:

ST2.1.2 Dalam konteks ini, ciri-ciri kekuatan geomekanik bahan batuan merupakan input utama dalam mereka bentuk struktur-struktur tersebut.

SSK2.1.7 Dari segi bekalan air pula, hanya 71.0% perkampungan Orang Asli menerima bekalan air paip pada 2005.

2. Sudut pandangan:

ST3.2.3 Menurut Lim dan Flint (1995), perlakuan haba telah digunakan secara meluas bagi memusnahkan sel-sel vegetatif.

SSK1.2.5 Dengan perkataan lain, kita dapat mengatakan bahawa kesemua tuturan mempunyai fungsi pelbagai (*all utterances are multi-functional*) (Stubbs 1983: 47).

3. Tempat:

ST1.1.6 Di Semenanjung Malaysia pula hanya 17 takson direkodkan dalam lima genus tidak termasuk *Davalloides* kerana taburan spesies ini hanya terdapat di Sabah dan Sarawak (Parris & Latiff 1997).

SSK6.2.1 Dalam perkara pertama akan dibincangkan asal usul bidang GP dan hubungan kait antara GP dengan pemasaran.

4. Masa:

ST4.3.1 Pada tahun 2000, jualan produk berasaskan roselle mencatat nilai RM1.5 juta iaitu merupakan 1.4% daripada jumlah pasaran semasa jus buah-buahan yang bernilai RM107 juta (Anon, 2002).

SSK7.2.3 Sehingga ke hari ini. Malaysia telah memiliki lima buah agensi penempatan dinar emas iaitu Islamic Mint (Islamic Gold Dinar), Royal Mint (Dinar Emas Royal Mint), Kelantan Golden Trade (Dinar Emas Kelantan). Public Gold Fine Sdn Bhd (Dinar Public) dan yang terkini Kerajaan Negeri Kedah (Dinar Emas Mu'azam Shah).

Kedua dari segi jenis proses, dikenal pasti bahawa unit pengenalan wacana ST dan SSK mengutamakan kata proses lakuan, keadaan, dan perihalan di dalam pembinaan ayat-ayatnya. Hal ini bermakna, di dalam memperkenalkan wacananya, komuniti ST dan SSK memerlukan kata proses lakuan, keadaan, dan perihalan secara strategik. Keperluan itu membayangkan bahawa pewacanaan ST dan SSK adalah suatu proses bertindak, menyatakan keadaan, serta memerihail. Proses lakuan digembleng paling banyak iaitu 75 kali atau 50.6 % bagi teks ST dan 59 kali atau 50.9 % bagi teks SSK serta dimanfaatkan oleh semua teks. Di dalam ayat/klausa, proses lakuan berfungsi mempresentasikan tindakan pelaku terhadap sesuatu (Idris 2012). Contoh kata proses lakuan yang digunakan ialah *dijalankan*, *memberi* (SSK1), *dikatakan*, *dilakukan* (SSK2), *dilahirkan*, *menarik* (SSK3), *dikesan*, *dihidu* (SSK4), *mengajukan*, *m memecahkan* (SSK5), *dibincangkan*, *membawa* (SSK6), dan *menghasilkan*, *dibahagiakan* (SSK7).

Kemudian, proses keadaan menduduki tempat kedua dari segi kekerapan penggunaannya, iaitu sebanyak 39 kali (26.4 %) bagi teks ST dan 27 kali (23.3%) bagi teks SSK. Proses keadaan adalah proses pengalaman (*experienter*) mempresentasi keadaannya (Idris 2012). Contoh proses keadaan ialah *tiada sempadan*, *tidak berguna* (SSK1), *menerima*, *mendapat* (SSK2), *mempunyai*, *menjadi* (SSK3), *menunjukkan* (SSK4), *merupakan*, *bertujuan* (SSK5), *mengandungi*, *kurang tepat* (SSK6), dan *gagal*, *mewujudkan* (SSK7). Proses perihalan pula dimanfaatkan sebanyak 22 kali (14.9 %) bagi teks ST dan 20 kali (17.2 %) bagi teks SSK. Proses perihalan bersifat memerihail sesuatu. Contoh kata proses perihalan ialah *adalah*, *merupakan*, *ialah* yang ditemui di dalam semua teks. Berikut ialah contoh penggunaan proses (huruf besar) di dalam ayat teks yang dikaji mengikut jenis.

5. Lakuan:

ST1.1.11 *Davallia* banyak DIJUMPAI di kawasan tanah tinggi yang mempunyai altitud sekitar 300 hingga 2200 m dari aras laut (Nooteboom 1998).

SSK1.1.6 Manusia BERKOMUNIKASI kerana pelbagai sebab seperti ingin MEMAHAMI manusia lain, ingin MEMAHAMI kejadian yang berlaku dan ingin MEMAHAMI dunia di sekelilingnya.

6. Keadaan: ST3.2.8 Analisis kehadiran bakteria pada makanan amat PENTING lebih-lebih lagi sekiranya terdapat kes-kes keracunan makanan (Kang & Siragusa 2001).

SSK1.1.3 Tanpa keperluan untuk berkomunikasi, bahasa menjadi TIDAK BERGUNA.

7. Perihalan: ST4.2.1 Roselle MERUPAKAN tumbuhan tropika yang boleh dijadikan pelbagai jenis produk makanan, minuman dan juga mempunyai nilai perubatan dan ciri-ciri farmaseutikal.

SSK2.1.3 Aspek kualiti hidup yang sering diberi perhatian oleh para pengkaji IALAH kemudahan-kemudahan asas dan juga perumahan (Martin 2008; Ball 2008).

Ketiga, ditemui bahawa ayat sederhana adalah ciri nahan ketiga yang penting di dalam strategi penulisan pengenalan wacana ST dan SSK. Dengan kata lain, pewacanaan ilmu ST dan SSK banyak digerakkan melalui ayat sederhana. Ayat sederhana ialah ayat yang dijana daripada satu unsur proses. Di dalam kajian ini, ayat sederhana digunakan sebanyak 112 kali (86.2 %) bagi teks ST dan 80 kali (86.0 %) bagi teks SSK berbanding ayat rencam sebanyak 18 kali (13.8 %) bagi teks ST dan 13 kali (14.0 %) dalam teks SSK. Setiap teks juga memanfaatkan ayat sederhana melebihi ayat rencam, dengan T6 bagi penulisan pengenalan wacana ST memanfaatkan ayat sederhana sebanyak 100% (31 kali). Pemanfaatan ayat sederhana secara dominan di dalam wacana ST dan SSK menjadikan idea yang ingin disampaikan di dalam setiap ayat lebih jelas, ketara serta mudah diikuti kerana hanya satu idea diungkapkan bagi setiap ayat. Berikut ialah contoh penggunaan ayat sederhana dan ayat rencam di dalam teks.

8. Ayat Sederhana:

ST1.1.9 *Davallia* MERUPAKAN tumbuhan epifit yang hanya berpaut pada permukaan kulit kayu pohon sahaja bagi mendapatkan sumber makanan, air dan cahaya.

SSK6.1.1 Artikel ini MENGANDUNGI perbincangan tentang kedudukan gelagat pengguna Islam (GPI) sama ada sebagai satu disiplin atau sub-disiplin.

9. Ayat Rencam:

ST4.1.4 Roselle dahulunya MERUPAKAN tumbuhan herba yang ditanam di sekitar laman kediaman sebagai pokok hiasan // namun kini penanamannya mula DIKOMERSIALKAN (Morton 1987).

SSK1.2.4 Ketujuh-tujuh fungsi bahasa tersebut saling MENGISI // dan saling MEMPERLENGKAPKAN antara satu sama lain // dan bukan saling MEMBEZAKAN (Brown 1980: 104-105).

Akhir sekali, ditemui bahawa unsur pengenalan teks saintifik banyak dibina daripada tema bertanda atau luar biasa. Pentemaan ayat secara bertanda bermakna menjadikan unsur titik tolak mesej ayat itu luar biasa, melalui tandanya, seperti pemasifan, penyongsangan, atau memberikan adverba awal ayat. Tema menjadi luar biasa apabila unsur yang biasanya menempati belakang ayat, ditempatkan di hadapan ayat. Di dalam kajian ini, didapati komuniti ST dan SSK mementingkan ayat yang dibina daripada tema bertanda iaitu 56.2 % bagi teks ST dan 59.4 % bagi teks SSK berbanding tema biasa sebanyak 43.8 % bagi teks ST dan 40.6 % bagi teks SSK. Majoriti tema bertanda dilakukan melalui adverba awal ayat 65.8% bagi teks ST dan 54.4 % bagi teks SSK. Ia diikuti dengan pemasifan iaitu sebanyak 30.1% bagi teks ST dan 45.6 % bagi teks SSK. Dengan memberi tanda atau mendepankan unsur berkenaan di dalam ayat bermakna pewacana ingin mengutamakan unsur berkenaan sebagai titik tolak mesejnya. Berikut ialah contoh tema bertanda (bergaris), masing-masing subjenis adverba awal ayat, pemasifan dan penyongsangan yang dimanfaatkan di dalam teks kajian.

10. Adverba Awal Ayat:

ST4.3.2 Dalam industri pemprosesan jus roselle, kandungan pH jus yang rendah dengan nilainya sekitar pH2.6 mungkin akan menimbulkan masalah daripada segi tindak balas kimia di antara jus dengan mesin pemprosesan atau bekas simpanan bersifat logam.

11. Adverba Awal Ayat:

SSK3.1.12 Dengan mempraktikkan kesemua ciri-ciri ini, barulah seseorang itu mampu menjadi seorang pendidik yang bakal meninggalkan bekas dalam hati dan jiwa pelajar.

12. Pemasifan:

ST6.5.2 Reka bentuk SRRs yang beroperasi pada 900 MHz telah digunakan dalam kajian ini untuk mengurangkan nilai SAR.

13. Penyongsangan:

ST1.1.5 Terdapat 24 spesies dalam lima genus di Malaysia (*Davallia*, *Humata*, *araiostegia*, *Leucostegia*, *Trogostolon*, *Scyphularia*, dan *Parasorus*).

Di dalam (10), adverba awal ayat *dalam industri pemprosesan jus roselle* menjadi tanda luar biasanya bagi ayat ST4.3.2 dan itulah unsur yang dititikberatkan oleh penulis. Bagi teks SSK di dalam (11), adverba awal ayat *dengan mempraktikkan kesemua ciri-ciri ini* menjadi tanda luar biasanya bagi ayat SSK3.1.12. Di dalam (12) pula, tema bertanda berlaku kerana ayat itu adalah ayat pasif. Apabila ayat dipasifkan, maka strukturnya sudah berubah dengan sasaran atau objek dikehadapankan, iaitu *reka bentuk SRRs yang beroperasi pada 900 MHz*. Seterusnya bagi ayat (13), ayat ST1.1.5 dikatakan tema bertanda kerana ia adalah ayat songsang. Ayat itu menjadi ayat songsang apabila unsur proses (kata kerja utamanya) dikehadapankan, iaitu *terdapat*. Dengan demikian, soal 'terdapat' itulah yang ingin dipentingkan dalam mewacanakan maklumatnya.

KESIMPULAN

Strategi nahuan pengenalan teks akademik ST dan SKK berbahasa Melayu adalah sama. Analisis ini mengenal pasti bahawa strategi nahuan pengenalan teks akademik kedua-dua bidang tersebut adalah melalui penggemblengan adverba awal ayat jenis situasi melebihi jenis yang lain, pemanfaatan banyak ayat bertema luar biasa berbanding ayat bertema biasa, pengutamaan ayat sederhana dan penggunaan lebih proses lakuan. Rasional pemilihan dan penggunaan strategi nahuan sedemikian telah dibincangkan. Persamaan strategi wacana daripada empat aspek nahuan ini memperlihatkan bahawa dalam penghasilan wacana kedua-dua bidang ini, yang lebih dipentingkan oleh komuniti akademik ialah nilai dan tuntutan ilmiah, dan bukannya bidang.

Dapatan kajian ini dibongkar daripada penelitian terhadap cara komuniti akademik yang berwibawa berfikir dan bertindak seperti tergambar dalam cara mereka mewacanakan ilmu. Dengan demikian, dapatan ini boleh dikatakan sah dan berupaya menjadi pedoman kepada ahli akademik lain yang

berhasrat menulis dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan Malaysia. Peningkatan bilangan teks akademik dalam bahasa kebangsaan sangat dituntut bagi memastikan bahasa itu berdaya dan berupaya menjadi bahasa ilmu yang mantap.

NOTA:

Makalah ini dijana daripada geran penyelidikan CoE Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia kod II-005-2012 dan telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah & Budaya di Alam Melayu anjuran Institut Alam & Tamadun Melayu, UKM pada 26-27 Nov 2013.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. 2006. *Panduan Wacana Akademik: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bloor, M. & Bloor, T. 2007. *The Practice of Critical Discourse Analysis: An Introduction*. London: Hodder Education.

Chan Swee Heng & Sayed Foad Ebrahimi. 2012. Marked themes as context frames in research article abstracts. *GEMA Online™ Journal Of Language Studies* 12(4) : 1147-1164.

Fairclough, N. 1992. Discourse and text: Linguistic and intertextual analysis within discourse analysis. *Discourse & Society*. 3 (April): 193-217.

Fairclough, N. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.

Ghadessy, M. 1999. Thematic organisation in academic article abstracts. *Estudios Ingleses De La Universidad Complutense* 7: 141-161.

Gumperz, J.J. 1982. *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.

Habibi, P. 2008. Genre analysis of research article introductions across ESP, psycholinguistics, and sociolinguistics. *International Journal of Applied Linguistics*. 11(2): 87-111.

Halliday, M.A.K. 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. 2nd. Edition. London: Arnold.

Holmes, J. 2001. *An Introduction to Sociolinguistics*. 2nd. Edition. Essex: Pearson Education Limited.

Hunston, S. 1994. Evaluation and organization in a sample of written academic discourse. Dlm. Coulthard, M. (ed.). *Advances in Aritten Text Analysis*. London: Routledge. Pp. 191-218.

Idris Aman. 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit UKM.

Idris Aman. 2007. Tema bertanda ayat wacana: analisis nahu fungsional. *Jurnal Bahasa*. 7(2): 41-64.

Idris Aman. 2012. A scientific study of language through the human communication system notion. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 46(2012) 1312-1317. www.science direct.com.

Idris Aman, Norsimah Mat Awal & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2013. Strategi wacana teks akademik sains dan teknologi. Kertas Kerja Kolokium Penyelidikan II/005/2012 Analisis

Wacana Saintifik Berbahasa Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM. 17 Jun.

Ismail Ahmad. 1996. *Penulisan Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamed Khaled Nordin. 2012. Berfikiran Global Bertindak Lokal. Amanat Tahun Baharu 2012 Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. 26 Januari. Hlm. 38. www.mohe.gov.my

Nathesan, S. 1995. *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Spolsky, B. 2001. *Sociolinguistics*. Oxford: Oxford University Press.

Swales, J. 1981. *Aspects of Article Introductions*. Birmingham, UK: The University of Aston, Language Studies Unit.

Swales, J. 1990. *Genre Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.

Zhen-ye, Ning. 2008. A genre-based analysis of English research article abstracts and the linguistic feature of personal pronouns for financial economics. *US-China Education Review*, 5(7) (Serial No. 44).

LAMPIRAN 1

Data Kajian

Teks	Judul	Pengarang	Keluaran
ST1	Ciri Anatomi Stip Bagi Beberapa Spesies Davallia (Davalliaceae) di Malaysia (Stipe Anatomical Characteristics in Some Davallia (Davalliaceae) Species in Malaysia)	T. Noraini, A.R. Ruzi, N.Nadiah, R.N. Nisa, H.Maideen & S.N.Solihani	Sains Malaysiana 41(1) (2012): 53-62
ST2	Kekuatan Geomekanik Batuan Granit dan Sys di Semenanjung Malaysia (Geomechanical Strenght of Granites and Schists of Peninsular Malaysia)	T.L.Goh, A.Ghani Rafek & M.Hariri Arifin	Sains Malaysiana 41(2) (2012): 193-198
ST3	Penilaian Kaedah Pengiraan Escherichia Coli dalam Masakan Ayam (Evaluation of Escherichia Coli Enumeration Methods in Poultry Dishes)	Ratna Dewi Abdul Rahman, Norrakiah Abdullah Sani & Abdul Aziz Jemain	Sains Malaysiana 41(3) (2012): 325-331
ST4	Kesan Penambahan Kalsium Karbonat dan Sukrosa ke Atas Ciri Ekstrak Roselle Menggunakan Kaedah Respon Permukaan (Effect of Calcium Carbonate and Sucrose Addition on the Properties of Roselle Extract Using Response Surface Methodology)	Wan Zawayiah Wan Abdullah, Md Zaidi Yahaya & Mohamad Yusof Maskat	Sains Malaysiana 41(4) (2012): 411-418
ST5	Tumbuhan Etnoperubatan Sebagai Perumah Aktinomisit Endofit yang Bersifat Bioaktif (Ethnomedicinal Plants as Host of Bioactive Endophytic Actinomycetes)	Nurul 'Izzah Mohd Sarmin, Noraziah M.Zin, Ng Kim Tien, Nik Marzuki Sidiq, Onuma Kaewkla & Christopher M.M. Franco	Sains Malaysiana 41(5) (2012): 547-551
ST6	Analisis Pengurangan Kadar Penyerapan Spesifik dalam Kepala Manusia Menggunakan Bahan Ferit dan Metabahan (Analysis of Specific Absorption in the Human Head Using Ferrite Materials and Metamaterial)	Norbahiah Misran, Mohammad Tariqul Islam, Mohamad Rashed Iqbal Faruque, Nurul Hafizah Mohd Hanafi, Farizah Ansarudin & Mohd. Faisal Ibrahim	Sains Malaysiana 41(6) (2012): 779-785
ST7	Kajian Migrasi Bahan Larut Resap di Tapak Pelupusan Sampah Sungai Sedu, Telok Datuk dengan Kaedah Geofizik dan Geokimia (Study of Leachate Migration at Sungai Sedu, Telok Datuk Waste Disposal Site by Geophysical and Geochemical Methods)	Mark Jeeva & Umar Hamzah	Sains Malaysiana 41(7)(2012): 829-840
SSK1	Situasi, Peristiwa dan Lakuan Bahasa dalam Kalang Sama (Situations, Events and Language Behaviour in the Kalang Sama)	Saidatul Normis Hj. Mahali	Akademika 82 (1) (2012) 3-14
SSK2	Kualiti Hidup Orang Asli: Pengukuran Melalui Indeks Kualiti Hidup Orang Asli Berwajaran (The Quality of Life of Malaysian Aborigines: Measured with a Weighted Quality of Life Index For Orang Asli)	Mod Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj. Idris	Akademika 82 (1) (2012) 65-69
SSK3	Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi (Effective Teacher Dispositions: Personality Traits and Communication Skills)	Khairul Anuar A. Rahman	Akademika 82 (2) (2012) 37-44
SSK4	Nilai Setia Dari Perspektif Prosodi Semantik: Analisis Berbantu Data Korpus (Setia (Loyal) From Semantics Prosody Perspective: A Corpus-based Analysis)	Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal	GEMA Online 12 (2) (2012) 359-374
SSK5	Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes (When A Feminist Theory Is Decidedly Superflous: A Case Study)	Ungku Maimunah Mohd. Tahir	GEMA Online 12 (4) (2012) 1213-1227
SSK6	Gelagat Pengguna Islam: Satu Disiplin atau Sub-Disiplin? (Islamic Consumer Behavior: A Discipline or Sub-discipline?)	Ahmad Azrin Adnan	Jurnal Pengurusan 35 (2012) 139-149
SSK7	Prospek Penggunaan Dinar Emas Sebagai Mata Wang: Analisis Berdasarkan Teori Monetari (Prospects of Gold Dinar as a Currency: An Analysis Based on Monetary Theory)	Salmy Edawati Yaacob & Sanep Ahmad	Jurnal Pengurusan 36 (2012) 161-171

LAMPIRAN 2

Pemetaan Tekstual Pengenalan

Ciri Nahuhan (ST)	ST1	ST2	ST3	ST4	ST5	ST6	ST7	Jumlah & (%)
1. Adverba Awal Ayat								
a. Situasi	-	3	3	6	-	7	3	22 (45.8)
b. Sudut pandangan	2	-	4	2	-	6	3	17 (35.4)
c. Masa	-	-	-	1	-	2	-	3 (6.3)
d. Tempat	2	-	1	1	-	1	1	6 (12.5)
2. Proses (S&T)								
a. Lakuan	5	4	11	11	4	17	23	75 (50.6)
b. Keadaan	6	1	4	8	2	10	8	39 (26.4)
c. Minda	-	-	-	1	-	-	-	1 (0.7)
d. Kewujudan	3	-	2	2	-	-	4	11 (7.4)
e. Perihal	4	4	1	5	2	4	2	22 (14.9)
f. Pertalian	-	-	-	-	-	-	-	-
4. Jenis Ayat								
a. Sederhana	13	7	13	19	6	31	23	112 (86.2)
b. Rencam	3	1	3	4	1	-	6	18 (13.8)
2. Jenis Tema Ayat								
a. Biasa	8	5	6	9	6	11	12	57 (43.8)
b. Bertanda:	8	3	10	14	1	20	17	73 (56.2)
Pen. Awal Ayat	4	3	8	10	-	16	7	48 (65.8)
Pemasifan	2	-	1	4	1	4	10	22 (30.1)
Penyongsangan	2	-	1	-	-	-	-	3 (4.1)

Idris Aman, Ph.D.

Profesor

Institut Alam dan Tamadun Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: idrisa@ukm.edu.my

Benazir Tanjung Fatkur Rahman

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.